



1Malaysia
Tanjung Transformasi

e-BULLETIN NRE



Warisan Sumber Asli Untuk Kesejahteraan Alam Sekitar



Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

www.nre.gov.my

Edisi Nov-Dis 2011



Sambutan Hari Sungai Sedunia 2011

MENARIK DI DALAM :



Majlis Tanah Negara ke 67
hal 3



Perasmian Muzium
Geologi Perak
Hal 6



Seminar My Bio-D 2011
Hal 8



Malam Apresiasi NRE
Hal 9



Tinta Editor

Salam Sejahtera & Salam 1NRE

eBuletin NRE edisi November & Disember 2011 sekali lagi muncul dengan hasrat untuk berkongsi pengalaman dan maklumat, khususnya di seluruh pembaca. Buletin ini telah dimuatkan dengan pelbagai perkembangan dan aktiviti-aktiviti menarik di sepanjang bulan ini.

Antara yang menarik mengenai paparan bulan ini ialah Majlis Sumber Air Keenam yang telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 17 November 2011. Antara keputusan yang dicapai ialah persetujuan menggunakan Dasar Sumber Air Negara berteraskan tiga prinsip diterima pakai oleh semua kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dalam memastikan pengurusan sumber air yang bersepadu dan lestari.

Begin juga dengan Sambutan Hari Sungai Sedunia yang pertama kalinya disambut di Malaysia dan seterusnya menjadi acara tahunan mulai tahun ini.! HSS merupakan komitmen NRE dalam memastikan penjagaan sungai yang bersih, hidup dan berdaya huni.

Tidak dilupakan perasmian Muzium Geologi di Perak yang akan menjadi satu tarikan pelancong dibawah tanggungjawab NRE. Serta lain-lain berita ga yang berfokuskan kepada usaha-usaha menyelamatkan alam sekitar dan lain-lain berita yang menarik dipentutup tahun 2011.

Selamat membaca & jumpa lagi tahun hadapan.

SIDANG PENGARANG eBULETIN NRE

Penaung

Y. Bhg Dato' Zonal Azha Yusof

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

Pengarang

Cik Nor Azean Hasan

Jurufoto

En. Mohd Nazri Rapaai

En. Mohamad Haidhir Hamzah

Sidang Redaksi Buletin NRE

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Aras 1, Podium 2, No. 25 Persiaran Perdana

Wisma Sumber Asli Presint 4

62574 Putrajaya.

E-mel : ukk@nre.gov.my Tel : 03-8886 1728

Kandungan hal

- | | |
|---|-------|
| • Sambutan Hari Sungai Sedunia | 3 |
| • Majlis Tanah Negara | 4 |
| • Perasmian Muzium Geologi Perak | 5 |
| • Cerita Lensa NRE | 6 &7 |
| • Seminar MyBio_D | 8 |
| • Malam Apresiasi | 9 |
| • Travel & Living :
<i>Wetlands Wonders</i> | 10&11 |
| • Campus NRE:
<i>World Wetlands Day 2012</i> | 12 |



Renungan ...

“Sahabat baik adalah seseorang yang dapat melahirkan bakat terpendam dalam dirimu”

- Henry Ford



SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA 2011

SUNGAI YANG BERSIH, HIDUP &

Kuching, 12 November- Buat pertama kalinya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan dan Saliran telah menganjurkan sambutan Hari Sungai Sedunia (HSS) 2011 bertempat di Kuching Waterfront, Kuching dengan tema "Sungai yang Bersih, Hidup dan Berdaya Huni". Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

Pemilihan Kuching Waterfront berikutan lokasinya yang strategik dan bersesuaian dengan tema kali ini yang memfokuskan sungai yang bersih, hidup serta berdaya huni. Antara yang hadir, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato Sri Douglas Uggah Embas; Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Wan Junaidi Tunku Jaafar; Menteri Pembangunan Infrasruktur dan Perhubungan Sarawak, YB Dato Sri Michael Manyin Jawong dan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Dato' Ir Ahmad Hussaini Sulaiman. Turut serta memeriahkan sambutan ini ialah isteri YAB Ketua Menteri Sarawak, Puan Sri Ragad Kurdi Taib dan Isteri YB Menteri NRE, Datin Sri Doreen Mayang.



LANCAR ... YAB Ketua Menteri Sarawak menyempurnakan perasmian Sambutan Hari Sungai Sedunia sambil disaksikan oleh YB Datuk Sri Douglas Uggah Embas (Kanan) dan Dato Zola Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE (Kiri). Turut serta ialah Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Wan Junaidi Tunku Jaafar (belakang kanan)



MENANG... YAB Ketua Menteri Sarawak menyampaikan *mock up cek* bagi pemenang Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan 1 Negeri 1 Sungai yang dimenangi oleh Negeri Pulau Pinang.

Sempena sambutan HSS ini pelbagai aktiviti dan acara telah dilaksanakan seperti Majlis Pelancaran Sambutan HSS ini, Jambori River Ranger JPS Malaysia, Pertandingan Menulis Esei Kebangsaan, Pertandingan Fotografi "Sungaiku Hidupku", Sukan Air dan Pameran berkaitan Sungai daripada Agensi Kerajaan dan Swasta yang terlibat.

Keseluruhan aktiviti dan acara telah dirangka khusus dengan melibatkan penyertaan pelbagai pihak seperti pelajar sekolah, komuniti setempat, agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat bertujuan menyampaikan mesej untuk bersama memelihara dan memulihara sungai demi kelangsungan sumber air dan khazanah negara yang tidak ternilai ini.

Melalui sambutan ini diharapkan agar masyarakat akan sedar dan lebih peka terhadap keperluan menjaga sungai tidak dikira di bandar maupun di pendalam, seterusnya menjadi mata dan telinga kepada agensi-agensi kerajaan terlibat. HSS juga telah mencatat sejarahnya sendiri apabila diiktiraf sebagai sambutan utama kalender kementerian mulai tahun 2011 oleh NRE dan akan sambut secara tahunan.



MODEL MINI.. YAB Ketua Menteri Sarawak diiringi oleh YB Menteri NRE melawat salah satu ruang pameran yang turut serta pada pameran sempena Hari Sungai Sedunia di Dataran Waterfront Kuching.

MAJLIS TANAH NEGARA KE - 67

Putrajaya, 17 November- Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke 67 telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat 2, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur dan di hadiri seramai 63 ahli mesyuarat yang terdiri daripada 10 orang YB Menteri Persekutuan, semua YAB Menteri Besar/Ketua Menteri dan wakil-wakil Setiausaha Kerajaan Negeri.

MTN diadakan bertujuan untuk membincangkan dasar dan perundangan yang untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah bagi maksud perlombongan, pertanian, perhutanan dan lain-lain usaha bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran Negara selaras dengan kehendak perkara 91 (3) Perlembagaan Persekutuan. MTN pada kali ini memberi fokus kepada usaha-usaha pemulihan tanah akibat pemindahan aktiviti bahan batuan dan melombong.

Sebanyak empat kertas pertimbangan dan satu kertas makluman yang telah dibentangkan dan dipersetujui pada MTN kali ini. Kertas pertimbangan berikut adalah seperti berikut :

i) Pengenaan Bayaran Bagi Tujuan Pemulihan Tanah Selepas Aktiviti Pemindahan Bahan Batuan.

MTN Bersetuju supaya bayaran deposit mengikut peruntukan seksyen 74 (b) Kanun Tanah Negara 1965

dikenakan kepada pemegang permit bagi pemindahan bahan batuan yang dikeluarkan di bawah seksyen 70 KTN. Kerja-kerja pemulihan tanah hendaklah dilaksanakan oleh pemilik-pemilik sendiri mengikut standard yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pemulihan Tanah (JTPT)

ii) Caruman Wang Pemulihan Kedalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama Pemegang Lesen Tuan Punya (*Propriety Mining Licence*). Selaras dengan cadangan tersebut Enakmen Mineral akan dipinda supaya tuan punya tanah yang menjalankan aktiviti perlombongan diwajibkan membuat caruman seperti aktiviti melombong di bawah pajakan melombong.

iii) Pengemaskinian Garis Panduan Perolehan Hartanah dan;

iv) Pelaksanaan Dasar Lanskap Negara.

Mesyuarat juga termaklum akan satu kertas makluman yang dibentangkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang bertajuk Kemajuan Penyelesaian Tunggakan Urusan Tanah Dan Prestasi Pendaftaran Hakmilik Tanah Dalam Masa Satu Hari (PMT 1Hari) dan penambahbaikan dalam pentadbiran negeri.



BINCANG... YB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri selaku Pengurus Majlis Tanah Negara ke-67 bersama YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri NRE, YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri NRE dan Y.Bhg Dato' Zol Azha Yusof dalam perbincangan ringkas sebelum mesyuarat MTN bermula bertempat di Bilik Mesyuarat 2, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur

PERASMIAN MUZIUM GEOLOGI IPOH: TARIKAN EKOPELANCONGAN TERBARU NRE



GURAU... YB Menteri bergurau dengan semua yang hadir ketika dalam sesi lawatan beliau didalam Muzium Geologi.

Ipooh, 1 Nov – YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan perasmian Muzium Geologi yang bertempat di Kompleks Geologi Jabatan Mineral dan Geosains, Ipoh, Perak. Muzium ini dilengkapi kemudahan interaktif yang dinaikkan taraf dengan peruntukan RM1.3 juta.

Projek menaik taraf muzium ini merupakan sebahagian daripada projek pembangunan kerajaan yang dirancang untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bertujuan meningkatkan pengetahuan rakyat dan merancakkan lagi aktiviti pelancongan, khususnya bagi negeri Perak.

Didirikan pada tahun 1957, muzium ini berdaftar

sebagai Muzium Institusi dan disenaraikan sebagai salah sebuah muzium di Malaysia. Ia mempunyai pelbagai peranan dalam pembangunan negara antaranya sebagai gedung khazanah sejarah dan budaya negara di samping berperanan sebagai penyebar maklumat dan mendidik masyarakat bagi melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu pengetahuan dan peka terhadap sejarah dan persekitaran sendiri dalam aspek mineral dan geosains.

Selain itu, penubuhan muzium ini juga telah mengorak langkah kepada peranan muzium tersebut sebagai pusat penyelidikan yang mampu mengadunkan warisan dan teknologi melalui mekanisme tertentu yang jitu dan mampu membawa perubahan sosial dan pembangunan masyarakat di negara ini. Sehubungan itu, JMG telah bekerjasama dengan Pusat Arkeologi Global USM dalam mengkaji peninggalan sejarah kuno di Kota Tampan.

Antara yang turut hadir dalam ialah Datuk Aziyah Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha NRE (Alam Sekitar) dan Dato' Yunus Razak, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains. Selain itu, majlis ini juga turut dimeriahkan dengan kehadiran pesara-pesara daripada Jabatan Penyiasat Kaji Bumi dan Jabatan Galian.



RASMI... YB Dato Sri Douglas Uggah Embas menandatangani plak perasmian Muzium Geologi di Kompleks Geologi Jabatan Mineral Geosains dan Mineral. Sambil diperhatikan oleh Datuk Aziyah Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) dan Dato' Yunus Razak, Ketua Pengarah JMG.

CERITA LENSA NRE

SEMINAR AMALAN PENGURUSAN TERBAIK DALAM PENGURUSAN SUMBER AIR BERSEPADU JPS



MELAKA, 2 NOV —YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menuang air dalam buluh sewaktu melancarkan Seminar Amalan Pengurusan Terbaik dalam Pengurusan Sumber Air Bersepadu di Hotel Imperial. Turut serta ialah Dr. Abdul Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha II NRE dan Dato' Ahmad Hussaini, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran. Turut diperkenalkan laman web Public Infobanjir bagi memberi maklumat awal kepada orang ramai mengenai amaran banjir yang disalurkan secara automatik menerusi stesen hidrologi seluruh negara selama 24 jam.

FESTIVAL LAGU-LAGU DAKWAH 2011

PUTRAJAYA, 3 NOV — Kumpulan De' Sufi dari Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah dinobatkan sebagai Juara Festival Lagu-Lagu Dakwah 2011. Kumpulan yang membawakan lagu "Menanti di Barzakh" dan "Hanyut" telah berjaya meraih perhatian juri jempatan professional. Mailis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh SUB Kanan, Khidmat Pengurusan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datin Junaidah Kamarrudin bertempat Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli, NRE.



NRE CLIMATE CHANGE LEARNING PROGRAMME

HULU SELANGOR, 14 NOV —Pegawai NRE dalam sesi lawatan campus NRE di tapak projek *clean development mechanism* di Bukit Tagar, Sanitary Landfill, Hulu Selangor. Program anjuran Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ini merupakan salah satu program dibawah campus NRE yang mensasarkan perkongsian maklumat dan ilmu kepada seluruh warga NRE.

LAWATAN KERJA YB MENTERI NRE DI RTB GEMAS

Gemas, 24 November – YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YB Dato' Shaziman Abu Mansor, Menteri Kerja Raya Malaysia dalam sesi lawatan ke Rancangan Tebatan Banjir (RTB) sekitar Gemas. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan membentangkan kertas kerja kepada Kementerian Kewangan mengenai pembinaan dua projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan Parlimen Tampin. Dua projek RTB itu adalah projek jangka panjang untuk menyelesaikan masalah banjir di dua kawasan iaitu di Gemas dan Gemencheh.



LAWATAN KETUA-KETUA RANTING PARTI PUSAKA BUMI-PUTERA BERSATU BETONG

Putrajaya, 1 Disember – YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri NRE dalam sesi foto bersama Ketua-ketua Ranting Parti Pusaka Bumiputera Betong Sarawak yang mengadakan lawatan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Antara pengisian lawatan ialah sesi taklimat dan lawatan di sekitar pejabat NRE serta taman mini *NRE In D Forest*.



LATIHAN ASKAR WATANIAH NRE

Putrajaya, 9 Disember – Y.Bhg Dato Zonal Azha Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bergurau dengan pegawai-pegawai yang terpilih mewakili askar wataniah NRE dalam sesi pendaftaran latihan askar wataniah bertempat di Dewan Baiduri, Putrajaya. Sesi latihan ini diadakan selama tiga hari iaitu 9 hingga 12 Disember. NRE merupakan kementerian pertama yang muncul dengan inisiatif menubuhkan pasukan askar wataniah NRE.



MyBio-D 2011 :

TANAH LEMBAP DAN PENGURUSANNYA DALAM KONTEKS AGENSI PELAKSANA

Putrajaya, 21 Disember 2011 – Selaras dengan agenda nasional dalam usaha-usaha negara dalam merencana penggunaan bijak terhadap sumber-sumber asli di Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Kebangsaan Biodiversiti 2011 (MyBio-D 2011) memberi pengkhususan berhubung isu-isu biodiversiti di Malaysia khasnya berkaitan Tanah Lembap.

Sehubungan itu, seminar ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai agensi pelaksana terutamanya stakeholders berkepentingan supaya samada secara langsung atau tidak langsung mempertimbangkan eleman-eleman yang memberi kesan langsung dalam tindakan penyeliaan, pengurusan dan pemabangunan tanah lembap yang dianggarkan seluas 5,192,660 hektar di seluruh negara.

Seminar sehari ini telah sempurna dirasmikan oleh YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di Alam Warisan Ballrom, Hotel Pullman, Putrajaya.



LAWAT ... YB Tan Sri Joseph Kurup dalam sesi lawatan ringkas ke booth pameran Paya Indah Wetland, Jabatan PERHILITAN berkaitan kepentingan tanah lembap di lokasi tempat. Penjelasan disampaikan oleh En. K. Nagulandren, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan bertempat di ruang legar Hotel Pullman.



SIDANG MEDIA MyBio-D ... YB Timbalan Menteri NRE bersama Dato Abdul Latiff, Ketua Pengarag Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan En K. Nagulandren dalam sesi sidang media berhubung seminar dan sambutan Tanah Lembap 2012.

Dalam ucapannya, YB Timbalan Menteri berkata bersesuaian dengan tema sambutan Tanah Lembap 2012 yang bertajuk "*wetland tourism: A Great experience*" beliau berharap pihak-pihak yang terlibat menguruskan Tapak Ramsar mengambil kesempatan ini untuk mempromosikan tapak dan menjana pendapatan alternatif masyarakat setempat.

Turut hadir ialah Dato' Abdul Latiff Mahmood, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan Encik K. Nagulandren, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan. Seminar ini juga telah berjaya menarik seramai 40 orang peserta dari seluruh negara yang terlibat sepenuhnya dalam pengurusan tanah lembap.

MERAIKAN PESARA DI MALAM APRESIASI NRE 2011

"Man's feelings are always purest and most glowing in the hour of meeting and of farewell."

-Friedrich Richter

5 Disember - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menganjurkan Malam Apresiasi 2011 bagi mengenang pegawai-pegawai yang bersara pada tahun ini bertempat di Hotel Le Meridien, pada jam 8.30 malam. Pelbagai program dan persembahan telah diadakan seperti persembahan Group Band daripada Jabatan Penjara dan tarian tradisional daripada kumpulan kesenian NRE.

Majlis anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia ini, turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri NRE, Dato Zonal Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE, Dr. Abdul Rahim Nik, Timbalan KSU (Sumber Asli) NRE, Ketua-ketua Jabatan, Setiausaha Bahagian dan warga kerja NRE.

Sehubungan itu, warga NRE mengucapkan setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diatas segala jasa, bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh semua pegawai ini :

- Datuk Aziyah Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Sumber Asli) NRE
- Dato' Razani Ujang, Mantan Ketua Pengarah, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
- Dato' Hajjah Rosnani Ibarahim, Mantan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
- Tuan Haji Md Alias Ibrahim, Mantan Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara
- Dato' Mazbar Abu Bakar, Mantan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah
- Tuan Haji Mustafa Kamal Ajib, Mantan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
- Ir Lee Heng Keng, Mantan Timbalan Ketua Pengarah di Jabatan Alam Sekitar
- Puan Nor Elizah Ismail
- Encik Mazlan Md Rasid
- Puan Aziah Abdul Aziz
- Encik Mohd Zamzuri Abu Othman
- Puan Na'aimah Talib,



Datuk Aziyah Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) menyampaikan ucapan mewakili pegawai-pegawai yang bersara pada malam tersebut.



TERIMA KASIH SEMUA... Pegawai-pegawai bersara 2011 melambaikan tangan di atas pentas kepada semua hadirin yang hadir pada malam tersebut.

WETLAND WONDERS

Apart from nature and wildlife, Paya Indah Wetlands has lots of activities for young and old, writes Zalina Mohd Som (NST, 19 November)

If you think Paya Indah Wetlands is only about controversies (illegal sand-mining, abrupt closure in 2006 and RM10 million worth of refurbishment works), think again.

Oh well, don't think. Go and see for yourself what's in store at this sprawling site that takes just 15 minutes' drive from Putrajaya.

You'll be surprised to find the serene recreational park buzzing with visitors who come from as far as Singapore and Penang.

Since its soft re-opening in 2008, the park has recorded a steady number of visitors, most of whom throng the place on weekends and public holidays. Some 40,000 have visited the park so far this year.

Though the 3,200-hectare park still needs upgrading, it's clear that the earlier investment has been put to good use.

The Department Of Wildlife, which took over its management from Malaysia Wetlands Foundation following financial difficulties, redid the park's landscape, treated the land and water, and restored eco-tourism facilities like chalets, gazebos, restaurants and meeting rooms. It also built a viewing tower and a fishing jetty.

Will you see nature and wildlife affected by the illegal sand-mining nearby last year? No.

So what can one expect at Paya Indah Wetlands? Well, pack your picnic basket and be there when it opens at 7.30am.

Early bird gets the worm

Early visitors get to see the birds. Not one or two but 229 species! Bring binoculars (and camera) and look out for purple swamp hen, white-breasted water hen, white-bellied woodpecker, Nevertheless, seeing them up close is

olive-backed sunbird, brown shrike, red wattled lapwing and yellow vented bulbul.

These are just some of the birds that have been spotted here. Then, when the birds have flown off to look for breakfast, look out for colourful butterflies, dragonflies and beetles.

As you move from one lake to another (the park is said to have at least 18 lakes), take time to admire the blooming lotuses in pink, white and purple hues. These beautiful blooms add colour to blue skies reflected on the surface of the placid lakes.

This is also the best time to decide on the best place to spread your picnic mat. The family zone is probably the best spot as there are basic amenities such as toilets, gazebos and a cafeteria.

Hippos don't eat humans, they bite



At 10am, take a walk over to the hippo pond and wait for the wildlife officer to call a family of hippopotamus. Just a whistle and the mother and her cub will come out of the water.

There are four hippos actually. Three adults (one male and two females) were gifts from the Botswana government when the then prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad visited the country. A baby was born here in July.

Next to the fence at the pond is a wheelbarrow filled with banana, papaya and grass. The hippo is a herbivore. But its huge canine teeth and sharp incisors are capable of breaking a small boat in half!

an interesting experience. So close that you'll get to see that this huge animal "perspire blood"!

Actually, the red-coloured liquid is an acidic secretion that gives sunscreen protection effect.

It's even more exciting when you get the chance to throw fruit to them. Yes, throw, because you don't want your hands caught in between those strong teeth or to get too close to its enormous mouth!

No hands over the fence!

At 11am, quickly make your way to the crocodile pond. From afar you can hear another whistle, but silly me thinks it's made by a bird!

Also following the sharp pitch are "floating tree trunks" moving from every corner of the pond.

Those trunks are crocodiles and the sight of these reptiles breaking the water surface is hair-raising. It gets more chilling when I am told there are at least 30 crocodiles in the pond and that the largest measures almost 5m long!

As the crocs get closer to the edge, a park employee throws chickens into the pond. At this, the reptiles, which earlier displayed a passive demeanour, turn aggressive at every throw of the chicken.

The serene water breaks into ripples as the reptiles poke out their heads with wide open jaws, displaying their sharp fangs. Despite their hefty weight, the crocs sometimes jump out of the water to grab their share of chicken.



What next?

The next activity is at 5.30pm. But until then, you'll have the park all to yourselves. Walk, cycle, kayak, fish or take a nap — the park is vast enough for you to have your own private time and zone.

A small fee is charged to hire a bicycle and a kayak and if you want to fish but all other activities are free.

You can hire a guide (RM90) for a guided walk that takes you through nature trails at its educational and conservation zones.

The walk through the conservation zone will take you to a beautiful Terengganu house, a bamboo forest and a junk that was used to ferry miners to a dredge during the tin mining era.

The park is divided into three zones. The recreational zone is where most activities take place. The other two zones are only accessible with a guide.

If you don't come prepared with meals and drinks, don't worry. A cafe and stalls offer not only tidbits and drinks but also rice and a la carte dishes



Interact, interpret


Just when you think you've covered everything at Paya Indah Wetlands and are ready to go home, something is happening that's worth waiting for.

The wildlife interaction activity is at 5.30pm at the Interpretative Centre.

There you will meet Bell, Bobo, Koko, Kiki and Amoi. Well, once you meet these animals, you will agree that they are not as "wild".

These are tame, cuddly animals that you can touch, carry and play with. Get up close with the slow loris, albino python, otter, porcupine and parrot.

Kids will love the otter, slow lorry and parrot while they need a bit longer time to get close to the porcupine and



Bell likes to be tickled

python.

Grand finale

After the wildlife interaction session, tarry a while to watch the stunning sunset colours spread across the sky and the reflection on the lotus-dotted lake.

Try spotting the birds as they make their way back to their nests after a hard day's hunt for a meal.

Soak in the serenity of Paya Indah Wetlands as it takes on a different character at dusk. The night is quiet and the only noise you hear comes from air-

planes taking off and landing at neighbouring Kuala Lumpur International Airport in Sepang.

Still full of energy? Go on a night safari — with a guide. See the park in a different light and, if you're lucky, you may see nocturnal residents going about their business.

Where to stay

If you'd like to stay, Paya Indah Wetlands has 24 chalets - all strategically located to offer a lakeside view. Under the old management, the chalets cost over RM500 per night, so you can imagine the level of comfort, luxury and space.

Styled like Malay houses, the spacious chalets with sexy bathrooms make you feel like you're in the heavenly islands of Langkawi or Redang.

Today, you only pay RM120 for a chalet per night! Word has it that the chalets are fully booked till the end of the year!

The chalet is huge and comfortable

How to get there

The park is just 15 minutes drive from Putrajaya. The easiest way is to follow the directions to Dengkil, where more signages will direct you to Paya Indah Wetlands, which opens from 7.30am to 7pm daily.

What to do

The animal feedings and wildlife interaction activities are only available on weekends, public holidays and school holidays. But if you're there on a weekday, you can go cycling (RM5 for two hours), jungle trekking, bird-watching, fishing (RM10 per rod), fish feeding (RM3 per pack of pallets), kayaking (RM7 per kayak) and climb the viewing tower.



WETLAND TOURISM: A GREAT EXPERIENCE

Responsible tourism supports wetlands and people



2 February **WORLD
WETLANDS DAY**

www.ramsar.org



This poster has been
made possible thanks to
the General Directorate for Water